

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 27/02/2023
Edisi / Muka Surat : Nasional / 13
Tajuk : ANGKASA terima Anugerah Penggerak Usahawan Koperasi 2023

Angkasa terima Anugerah Penggerak Usahawan Koperasi 2023



Abdul Rahman yang mewakili Presiden Angkasa, Abdul Fattah menerima Anugerah Penggerak Usahawan Koperasi 2023 daripada Farah pada malam Anugerah Bisnes Sinar Harian (BISA).



Abdul Rahman (tengah) bersama pegawai kanan dan ahli-ahli lembaga pengarah Angkasa bergambar selepas organisasi itu menerima Anugerah Penggerak Usahawan Koperasi 2023 di Shah Alam, pada Khamis.

SHAH ALAM - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) telah menerima Anugerah Penggerak Usahawan Koperasi 2023 Anugerah Bisnes Sinar Harian (BISA) yang diadakan buat julung kalinya pada Khamis.

Timbalan Presidennya, Datuk Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik hadir mewakili Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah

Abdullah bagi menerima anugerah tersebut.

Abdul Rahman berkata, pihaknya bersyukur kerana diberikan penghargaan tersebut dan ia amat bermakna kepada Angkasa.

"Anugerah itu menunjukkan usaha Angkasa membangunkan gerakan koperasi daripada peringkat koperasi sekolah hingga ke koperasi dewasa semakin diketahui ramai sekali gus memberi impak kepada masyarakat,"

katanya ketika ditemui pada majlis itu.

Majlis penuh prestij tersebut dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Dalam ucapannya, Salahuddin berkata, majlis penganugerahan ini sangat penting dalam usaha menyantuni pemain industri pelbagai bidang yang juga usahawan berjaya di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Grup Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin berkata, BISA berbeza dengan anugerah lain yang biasa dianjurkan untuk perniagaan dan ekonomi kerana ia direka khas untuk mengiktiraf usahawan-usahawan tempatan di Malaysia terutama pemain industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Kita mahu rakyat mengetahui bahawa dalam kejayaan seseorang usahawan, ada

organisasi lain yang mungkin turut memainkan peranan, baik agensi-agensi kerajaan, perbankan, syarikat telekomunikasi, pasar raya besar dan platform beli-belah dalam talian," kata Farah.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah Angkasa, Datuk Mohamad Ali Hasan, Datuk Kamarudin Ismail, Datuk Che Mohd Shukree Che Isa dan Azizul Alias.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA